

Headline **Dementia ada kaitan rapat dengan HIV?**
Date **01 Jan 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **36**
Article Size **113 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **982**
PRValue **2,947**



Dementia ada kaitan rapat dengan HIV?

KUMPULAN subjenis HIV yang menjangkiti seseorang mungkin boleh menjadi penentu kebarangkalian dia mendapat dementia.

Para penyelidik dari Universiti Johns Hopkins, Amerika Syarikat (AS) mendapati sepanjang tempoh penyelidikan berlangsung, mereka yang tinggal di kawasan yang pradominan dengan subjenis A dan D HIV lebih cenderung mendapat dementia.

Penyelidikan yang diketuai oleh Dr. Ned Sacktor berkata, gangguan kognitif termasuk dementia ialah ciri-ciri umum bagi jangkitan HIV. Kadar kelaziman dementia dalam sejumlah pesakit yang disahkan positif HIV telah dinilai di sebuah klinik di Kampala, Uganda. Kesemua pesakit belum menerima rawatan HIV.

Pasukan penyelidik mendapati tujuh daripada 33 pesakit dengan subjenis A HIV mempunyai dementia. Lapan daripada sembilan orang pesakit (subjenis D) juga menghidap dementia.

Ciri-ciri biologikal seperti keupayaan virus mencetuskan keradangan dan kecederaan di dalam otak mungkin menjadi punca kehadiran subjenis HIV sehingga menjurus kepada dementia. – Clinical Infectious Diseases

